

Polis bongkar sindiket curi kereta yang turut seludup haiwan eksotik bernilai RM2 juta

Cenderawasih bawa malang

Kosmo 14/07/2010 M/S 3

Oleh KUMARA SABAPATTY
kumara.sabapatty@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Sekumpulan penjenayah bukan sahaja tahu mencuri atau merompak tetapi mereka kini beralih arah iaitu selain membuat kejahatan, mereka juga percaya hobi memelihara burung Cenderawasih boleh membawa tuah.

Mengikut kepercayaan sesetengah pihak, burung Cenderawasih yang dikaitkan dengan legenda alam kayangan hanya boleh didapati di kawasan sejuk selain akan memberi rezeki kepada si pembelanya.

Ia juga dikatakan penjaga kepada sejenis batu zamrud yang tinggi nilainya dan akan mati jika terjatuh ke tanah tetapi bangkainya tidak mereput atau berbau busuk, malah mengeluarkan haruman tersendiri.

Semalam, polis yang menyerbu sebuah bengkel membaiki kereta bukan sahaja menemui sebanyak 42 buah kereta import curi malah turut menjumpai dua ekor burung Cenderawasih yang dipercayai bertuah itu, beberapa ekor kucing hutan serta 28 ekor burung pelbagai spesies seperti kakak tua dan merbuk.

Seruan pada pukul 3 pagi di Jalan Sibul 17, Taman Wahyu, Kepong di sini itu dilakukan selepas polis mendapati pemilik yang berselindung di sebalik bengkel kereta itu, turut terlibat mencuri kereta dan terbabit dalam penipuan di sekitar Lembah Klang sejak tiga tahun lalu.

Siasatan awal mendapati mereka turut menyeludup hidupan liar terancam di sebalik perniagaan bengkel tersebut.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kuala Lumpur, Datuk Ku Chin Wah berkata, seruan dilakukan oleh siasatan polis dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Dang Wangi.

Katanya, dalam seruan itu polis menahan dua lelaki berusia dalam lingkungan 20 dan 40-an yang merupakan pekerja bengkel dan runner sindiket itu.

"Polis berjaya merampas sebanyak 42 buah kereta curi seperti Nissan Cefiro, Toyota Harrier, Vios, Camry dan empat buah lori satu tan yang kesemuanya dianggarkan bernilai RMI juta.

"Kita masih memburu pemilik dan penyelia bengkel iaitu Terry Tong Cheong Gek, 29, dan Calvin Lim Foong Kui, 50, yang telah melarikan diri," katanya.

Tambahnya, seekor burung Cenderawasih boleh mencecah harga sehingga RMI juta



Seekor burung Cenderawasih boleh mencecah sehingga RM1 juta kerana dipercayai boleh mendatangkan nasib baik

KU CHIN WAH

kerana dipercayai boleh mendatangkan nasib baik selain memperoleh keuntungan dalam perniagaan.

Menurut Chin Wah, polis turut merampas beberapa fail yang mengandungi senarai kereta mewah antaranya BMW dan Mercedes Benz curi yang disimpan di lokasi tertentu.

"Modus operandi sindiket ialah menyamar sebagai ejen syarikat insurans dengan

SEBAHAGIAN daripada 42 buah kereta curi pelbagai jenis yang dirampas dalam seruan di sebuah bengkel di Taman Wahyu, Kepong semalam.

KIRI: Chin Wah menunjukkan haiwan eksotik yang dirampas di sebuah bengkel mencuri kereta di Kepong semalam.

menggunakan dokumen sokongan palsu untuk menuntut kereta atau lori yang disimpan di stor Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang sebelum itu telah ditarik atas pelbagai kesalahan.

"Mereka menggunakan dokumen kereta yang dilaporkan dicuri atau hilang pada tahun 2008, 2009 dan 2010 di sekitar Lembah Klang," katanya.

Tambahnya, polis turut menemui beberapa komponen kereta yang telah dileraikan untuk dijual kepada pihak ketiga.

Sementara itu, Pegawai Penguat Kuasa Bahagian Perhubungan dan Penguat Kuasaan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Kuala Lumpur, Celescoriano Razond berkata, berdasarkan siasatan awal, pihaknya tidak menolak kemungkinan burung tersebut merupakan keluarga Cenderawasih.

Katanya, harga burung tersebut boleh mencecah sehingga RMI juta seekor berdasarkan kepercayaan orang ramai terhadapnya yang kononnya mampu mengubah nasib seseorang.

Info Burung Cenderawasih

- Sejenis burung dalam keluarga Paradisaeidae susunan Passeriformes.
- Ia hanya terdapat di kawasan Australasia timur Indonesia, New Guinea dan tenggara Australia.
- Kebanyakan spesies burung ini turut mempunyai bulu pelepah yang amat panjang dan berambut menjulur dari ekor, sayap atau kepala.
- Spesies paling terkenal kerana bulunya adalah spesies genus Paradisaea, termasuk spesies jenis burung Cenderawasih Besar, Paradisaea apoda.
- Ada kepercayaan bahawa burung ini tidak pernah hinggap dipohon tetapi kekal terapung di angkasa.
- Ia juga dipanggil burung syurga.
- Dianggap membawa unsur sakti, tuah dan kuasa pelaris.
- Diburu kerana dipercayai membawa kuasa, tuah dan pengaruh di kalangan masyarakat Nusantara.
- Dikaitkan dengan khasiat tinggi dalam dunia perubatan tradisional.
- Bahagian tubuhnya juga dikatakan memberi kelebihan kepada sesiapa yang memilikinya.